



**NOTIS SEBUT HARGA
PERBADANAN PUTRAJAYA**

No. Sebut Harga : **PPj/SH(S)/JL/65/2022**

Tajuk Sebut Harga:

**CADANGAN KERJA-KERJA PEMBAIKAN DAN MENAIKTARAF KOMPONEN
TITIAN KANOPI DAN JAMBATAN EXIT PLAZA DI TAMAN BOTANI , PRESINT 1,
WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

1. Sebut harga adalah dipelawa daripada **Kontraktor / Syarikat Bumiputera** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB), Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)**, beralamat di **Wilayah Persekutuan Putrajaya, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Selangor sahaja** di bawah **Untuk Gred G2, Kategori : CE – Pengkhususan CE21 (Pembinaan Kejuruteraan Awam)** untuk melaksanakan projek tersebut di atas.
2. Taklimat Sebut Harga akan diadakan pada **29 NOVEMBER 2022 (SELASA)**, jam **10.00** pagi di **BILIK MESYUARAT ANGSANA (A5)**. Kehadiran pegawai syarikat yang ditauliahkan dalam Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), PUKONSA, UPKJ adalah **DIWAJIBKAN**. Sila bawa bersama **Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Taraf Bumiputera (STB)** dan **Cap Syarikat**.
3. Dokumen Sebut Harga boleh didapati semasa waktu pejabat pada **29 NOVEMBER 2022 (SELASA)** hingga **02 DISEMBER 2022 (JUMAAT)** dengan bayaran secara tunai **RM50.00** di Kaunter Jualan Tender / Sebut Harga, Aras 3, Bangunan Annexe Kompleks Perbadanan Putrajaya, 24, Persiaran Perdana, Presint 3, 62675 Putrajaya.
4. Dokumen Sebut Harga hanya akan dikeluarkan kepada Kontraktor/Syarikat yang menghadiri taklimat tersebut dan hanya wakil Kontraktor/Syarikat yang sah sahaja dibenarkan untuk mengambil dokumen Kontraktor/Syarikat dikehendaki membawa **satu (1) Salinan Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM), Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) dan Sijil Taraf Bumiputera (STB)**. Wakil Kontraktor/Syarikat adalah **diwajibkan** untuk membawa **Surat Wakil Kuasa (Asal)** yang ditandatangani pegawai syarikat yang ditauliahkan untuk membeli dokumen Sebut Harga.
5. Semua Borang Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dikembalikan ke alamat seperti di atas sebelum jam **12.00 tengah hari** pada **7 DISEMBER 2022 (RABU)**.
6. Kontraktor / Syarikat yang hadir ke taklimat dan berurusan di kaunter perlulah mematuhi S.O.P yang telah ditetapkan. Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Seksyen Pengurusan Perolehan di talian 03-8887 7708 atau e-mel ke spp@ppi.gov.my.
7. Kenyataan notis ini turut boleh didapati dalam portal rasmi Perbadanan Putrajaya di alamat <https://www.ppi.gov.my> dan portal MyPROCUREMENT <https://myprocurement.treasury.gov.my>.

(LAr. Abd Aziz Bin Buang)
Naib Presiden
Jabatan Landskap Dan Taman
Perbadanan Putrajaya.